

**BAB SATU:**  
**PENDAHULUAN**

Perkembangan pengajian Syariah di Malaysia berkait rapat dengan peranan institusi-institusi pengajian tinggi. Ia sebenarnya bermula dengan proses islamisasi yang telah berlaku di Tanah Melayu pada abad ke-14 lagi. Dari semasa ke semasa, perkembangan positif dalam dunia pengajian Islam terus berlaku sehinggalah terhasilnya sistem pengajian yang lebih formal, iaitu pengajian pondok. Ia akhirnya berkembang lagi dengan penubuhan sekolah-sekolah agama dan juga institusi-institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan kursus pengajian Islam, khususnya pengajian Syariah. Robiah Sidin dalam penulisannya telah menyebut :

*“ Penerapan nilai-nilai Islam dalam pendidikan negara dapat juga dilihat dengan bertambahnya sekolah-sekolah agama terutama sekali di peringkat menengah. Sekolah-sekolah ini mengajar kurikulum yang diikuti di sekolah lain, tetapi suasana dan tingkah laku atau interaksi harian pelajar dan guru adalah mengikut prinsip dan lunas-lunas Islam”.<sup>1</sup>*

Institusi-institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan kursus pengajian Syariah di negara kita ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR). Selain itu juga, terdapat beberapa buah kolej swasta yang turut menawarkan kursus pengajian Syariah seperti Kolej Universiti Teknologi Islam (UNITI) dan Institut Teknologi Ibn Sina (INTIS).<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Robiah Sidin (1994), *Pendidikan di Malaysia Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, h.58.

<sup>2</sup> Ahmad Sunawari Long, Faudzinaim Hj. Badaruddin, 'Konsep dan Halatuju Pendidikan Tinggi Islam Awam Dan Swasta Di Malaysia' (Kertas kerja Seminar Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi Asean Ke-3 di UKM. ) h 3

Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang awal dan mempunyai metodologi pengajian Islam yang tersendiri. Keunggulan KUSZA yang ditubuhkan semenjak tahun 1980<sup>3</sup> dan kejayaannya melahirkan ramai cendekiawan Islam telah memberi ilham kepada penyelidik untuk membuat kajian berkaitan dengannya. Penulis berharap kajian ini akan memberi sumbangan penting dalam bidang ilmu khususnya dalam bidang pengajian Syariah di Malaysia.

### 1.1) LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Pendidikan Islam telah bermula di tanahair kita semenjak kurun ke-14 lagi. Di peringkat awal perkembangannya, pendidikan Islam bermula di pondok-pondok, khususnya di negeri Kelantan, Terengganu dan juga Kedah.<sup>4</sup> Secara tidak formal pula, pendidikan Islam di zaman lampau telah bermula di rumah, iaitu dengan didikan dan tunjuk ajar ibu bapa. Perkembangan pendidikan Islam yang berlaku begitu pesat di Malaysia telah membuka mata pihak kerajaan untuk menawarkan kursus Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS). Kursus ini telah dipecahkan kepada beberapa pengkhususan seperti Pengajian Syariah, Usuluddin dan Dakwah.

Walau bagaimanapun, seringkali kedengaran dakwaan-dakwaan negatif dari pelbagai pihak terhadap lulusan pengajian Islam. Graduan pengajian Islam sering

---

<sup>3</sup> *Buku Panduan Hal Ehwal Pelajar* (1 th.), Kuala Terengganu: KUSZA, h.1.

<sup>4</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia : Sejarah dan Aliran* Jakarta: Gema Insani Press, h.34

Dalam kajian ini juga, penyelidik akan cuba menilai kesesuaian metodologi pengajian yang sedang diaplikasikan di KUSZA dan sekaligus akan memastikan sejauhmanakah kebenaran tuduhan-tuduhan di atas. Selain itu, penyelidik juga cuba mencungkil apakah kelebihan metodologi pengajian Syariah di KUSZA berbanding IPT yang lain dan apakah terdapat kelemahan-kelemahannya sehingga menimbulkan dakwaan-dakwaan negatif terhadap graduan pengajian Islam. Penyelidik berpendapat, adalah amat perlu dilakukan beberapa pembaharuan sekiranya memang terdapat kelemahan pada metodologi pengajian sesuatu disiplin ilmu. Ini perlu agar objektif untuk melahirkan graduan berketerampilan khususnya graduan Syariah akan menjadi kenyataan.

## **1.2) KENYATAAN TENTANG MASALAH KAJIAN**

Isu pengajian Islam di IPT di negara kita memang telah lama menjadi tumpuan perbincangan di kalangan para sarjana dan cerdik pandai. Contohnya, Dr. Wan Salim Wan Mohd Nor telah membuat satu analisis bahawa pusat-pusat pengajian tinggi atau jabatan yang menawarkan kursus ini adalah jauh ketinggalan berbanding dengan pengajian lain. Pelbagai masalah telah dikenalpasti, antaranya ialah mengenai kurikulum pengajian Islam, pensyarah yang terlibat dan bentuk penulisan ilmiah yang dihasilkan.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Wan Salim Wan Mohd Nor, Pendidikan Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi Masalah dan Penyelesaiannya dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 3, Bil 2, Ogos 1990, h 1-21

Mohd Yusof Mohd Nor dan Haron Din pula menyatakan bahawa peranan IPT yang menawarkan kursus pengajian Islam amatlah besar. Walau bagaimanapun, mereka berpendapat kejayaan yang telah dicapai oleh IPT ini belum berada di tahap yang boleh dibanggakan. Jika dibandingkan dengan realiti hari ini, peranan institusi ini sebenarnya jauh lebih besar dalam membentuk para graduan pengajian Islam yang benar-benar mantap imannya dan juga mampu berhadapan dengan permasalahan semasa.<sup>7</sup>

Dalam konteks hari ini, isu pengajian Islam di IPT masih menjadi tumpuan pelbagai pihak. Sebagai contoh, pada 10 Julai 2002 Akhbar Berita Harian telah mendedahkan isu pelajar berfikiran sempit disebabkan pedagogi yang lemah. Pengarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Prof. Dato' Mahmood Zuhibi Bin Abdul Majid mengatakan bahawa terdapat banyak faktor yang saling berkait turut menyumbang kepada sindrom sempit pemikiran, lemah dalam menganalisis masalah dan kurang komunikasi berfikir.<sup>8</sup> Walaupun kenyataan ini pada dasarnya ditujukan kepada semua mahasiswa tanpa mengira bidang pengajian, tetapi para pelajar jurusan pengajian Islam perlu memandang serius isu ini.

Pensyarah KUIM, Dr. Muhammad Yusuf Khalid menyatakan bahawa perlunya difikirkan satu cara pengajian Islam yang sistematik dan berkesan bagi menggantikan cara yang lama.<sup>9</sup> Pada 9 November 2001, Akhbar Utusan Malaysia

---

<sup>7</sup> Mohd Yusoff Mohd Nor et al (1983), *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah* t.tp., t.pt., h.145

<sup>8</sup> Pedagogi Lemah- Pelajar Sempit Fikiran, *Utusan Malaysia*, 10 Julai 2002.

<sup>9</sup> Pendidikan Islam Cara Lama Perlu Diubah, *Berita Harian*, 1 September 2002.

telah memaparkan bahawa terdapat sistem dualisme di dalam pengajian Islam di IPT<sup>10</sup>. 10 hari kemudian, iaitu pada 19 November 2001, Akhbar Berita Harian pula mendedahkan bahawa pendidikan Islam di IPT perlu diubah.<sup>11</sup>

Kenyataan-kenyataan akhbar di atas membuktikan masih wujud kelemahan dalam sistem pembelajaran pengajian Islam di IPT. Tanggapan negatif sesetengah pihak kepada keupayaan graduan pengajian Islam juga nampaknya memerlukan perhatian yang serius. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa perlunya diadakan satu kajian tentang keberkesanan metodologi pengajian Islam di IPT.

Dalam kajian ini, penulis akan mengkaji adakah metodologi pengajian Syariah di KUSZA sesuai diteruskan bagi melahirkan graduan Syariah yang mampu memenuhi tuntutan zaman. Penyelidik juga akan mengenalpasti keistimewaan dan kelemahan yang mungkin ada pada metodologi tersebut. Hasil yang akan diperolehi akan membantu penyelidik untuk memberikan cadangan-cadangan yang bertujuan memperbaiki sistem pembelajarannya atau mungkin juga ia tidak perlu lagi diperbaiki, tetapi patut menjadi contoh kepada institusi pengajian yang lain.

---

<sup>10</sup> Sistem Dualisme Dalam Pengajian Islam, *Utusan Malaysia*, 9 November 2001.

<sup>11</sup> Pendidikan Islam di IPT Perlu Diubah, *Berita Harian*, 19 November 2001.

### 1.3) OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan-kepada beberapa objektif, iaitu :

- i) Untuk mengetahui metodologi yang digunakan dalam pengajian Syariah di KUSZA.
- ii) Untuk mengenalpasti dengan jelas apakah keistimewaan dan kekurangan metodologi pengajian Syariah di KUSZA.
- iii) Bagi melihat sejauhmanakah keberkesanan pengajian Syariah di KUSZA yang telah bermula semenjak tahun 1980 lagi.
- iv) Untuk menilai sejauhmanakah kebenaran dakwaan-dakwaan negatif sesetengah pihak terhadap graduan pengajian Islam, khususnya graduan pengajian Syariah itu sendiri.
- vi) Untuk mengkaji apakah permasalahan yang sering timbul di kalangan pelajar dan juga para pensyarah Diploma Pengajian Islam (Syariah) (DPI Syariah) KUSZA.

#### **1.4) HIPOTESIS**

Metodologi pengajian Syariah di KUSZA merupakan satu metodologi yang baik dan berkesan, yang mana ia berjaya melahirkan para graduan Syariah yang peka kepada realiti semasa serta mampu menangani masalah-masalah baru yang timbul dalam masyarakat. Sebuah metodologi yang baik akan melahirkan para graduan yang mampu menangani isu semasa dan mengaplikasikan ilmu yang telah diperolehi ke dalam realiti kehidupan mereka. Sebaliknya, dengan metodologi yang tidak sesuai, pengajian itu hanya akan melahirkan graduan yang tidak mampu berijtihad dan mengamalkan taqlid buta. Dengan ini, pengajian Syariah tidak akan berkembang sebagaimana pengajian-pengajian yang lain. Semua institusi pengajian tinggi sepatutnya mengkaji metodologi yang digunakan dengan sebaik mungkin bagi memastikan ia sesuai dengan keadaan semasa.

#### **1.5) KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan kerana ia mempunyai beberapa kepentingan, iaitu:

- i) Mengetahui dengan mendalam apakah bentuk metodologi pengajian Syariah di KUSZA.
- ii) Menilai sejauhmanakah keberkesanan metodologi pengajian Syariah di KUSZA.



- iii) Memberi jawapan kepada tuduhan-tuduhan negatif tentang keupayaan graduan pengajian Islam, khususnya graduan pengajian Syariah itu sendiri.
- iv) Membantu pihak KUSZA untuk mengatasi beberapa permasalahan berkaitan pengajian Syariah di KUSZA.
- v) Mendedahkan kepada orang awam umumnya, dan kepada golongan pelajar Syariah khususnya tentang metodologi pengajian Syariah di KUSZA.
- vi) Membantu institusi pengajian tinggi Islam yang lain menjadikan metodologi pengajian Syariah di KUSZA sebagai contoh dan panduan untuk dimanfaatkan dalam metodologi pengajian di institusi mereka sendiri.

## **1.6) SKOP KAJIAN**

Permasalahan yang berkaitan isu kelemahan para graduan pengajian Islam adalah terlalu luas untuk dibincangkan. Ia sebenarnya boleh dibincangkan dari aspek metodologi pengajian yang diperkenalkan di sesebuah institusi, masalah sikap dan kesedaran para pelajar itu sendiri, hubungkaitnya dengan Falsafah Pendidikan Negara, masalah pengangguran dan sebagainya lagi. Oleh itu, penulis hanya memilih satu skop kajian sahaja, iaitu masalah metodologi pengajian di sesebuah institusi pengajian tinggi. Bidang kajian yang dikaji oleh penyelidik ialah pengajian Syariah. Dengan ini, penyelidik tidak akan membincangkan tentang metodologi pengajian lain seperti Usuluddin dan Dakwah.

Memandangkan institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus pengajian Syariah semakin bertambah, maka penyelidik terpaksa memfokuskan kepada sebuah institusi sahaja, iaitu Kolej Agama Sultan Zainal Abidin di Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Dalam kajian ini, penulis menumpukan kepada Sekolah Pengajian Islam KUSZA sebagai lokasi kajian.

Dari segi tahun pengkajian, disertasi ini melibatkan tahun pengkajian yang agak panjang. Ia bermula dengan sejarah Pengajian Syariah di Malaysia dan seterusnya membawa kepada penubuhan KUSZA pada tahun 1980. Kajian lebih difokuskan kepada perkembangan pengajian Syariah di KUSZA bermula dari tahun 1980 sehinggalah sekarang, iaitu tahun 2003. Jangkamasa kajian adalah melebihi 22 tahun. Penyelidik memilih pengkajian dalam tempoh yang panjang ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat asal berkaitan disertasi ini. Selain itu, program DPI (Syariah) juga merupakan kursus pertama yang ditawarkan di KUSZA seiring dengan penubuhan KUSZA pada tahun 1980.

Walaupun pengajian Syariah di KUSZA terbahagi kepada 2 peringkat, tetapi penyelidik hanya memfokuskan kepada pengajian di peringkat Diploma. Ini kerana pengajian di peringkat Diploma telah melalui satu tempoh yang lama dan telah dianggap sebagai sebuah pengajian yang matang, sedangkan pengajian di peringkat Diploma Lanjutan adalah kursus yang baru wujud di KUSZA. Selain itu, perbincangan terpaksa dikecilkan kepada peringkat Diploma sahaja bagi mengelakkan perbincangan terhadap skop yang terlalu luas. Walau bagaimanapun,

penyelidik turut menyentuh sedikit tentang pengajian Syariah di peringkat Diploma Lanjutan sebagai pengenalan sahaja.

## 1.7) KAJIAN LEPAS

Pengajian Syariah merupakan salah satu disiplin ilmu yang perlu diberi perhatian penting oleh setiap muslim yang mukallaf. Walaupun ia penting, tetapi para sarjana Islam setakat ini lebih gemar membincangkan tentang isu pengajian Islam dan pendidikan Islam secara umum<sup>12</sup>. Selain itu, banyak juga buku-buku yang ditulis mengenai pendidikan Islam di Malaysia<sup>13</sup>. Penulisan tentang metodologi pengajian Islam di negara kita sehingga kini tidaklah begitu memberangsangkan. Penulis mendapati hanya sedikit kajian yang dilakukan tentang metodologinya<sup>14</sup>, dan ia perlulah diperkembangkan lagi.

Hasil daripada pembacaan penulis, terdapat beberapa buah sahaja penulisan terdahulu yang menyentuh tentang pengajian Syariah. Pada tahun 1995, satu kajian

<sup>12</sup> Lihat Abdul Halim El-Muhammady (1994), *Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn Bhd. Al-Syaibani et al (1991), *Falsafah Pendidikan Islam*. Hassan Langgulung (terj) Shah Alam: Hizbi. Lihat juga Faudzinaim Haji Badaruddin et al (2001), 30 Tahun Pengajian Islam: Memahami Masa Lalu, Mengharungi Cabaran Masakini Dan Membentuk Masa Depan dalam *Prosiding Ulangtahun ke-30 UKM*, Bangi: Penerbit UKM. Ghazali Darusalam(2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Cet. 1, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Hanafi Mohamed (1996), *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*. Kuala Lumpur, Pustaka Ilmi.

<sup>13</sup> Ismail Ab. Rahman (1993), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM. etl (1993), *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia : Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu: KUSZA. Lihat juga Shahril @ Charil Marzuki et al (1999), *Isu Pendidikan Di Malaysia Sorotan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors Sdn Bhd.

<sup>14</sup> Che' Awang Bin Che' Harun (1996), "Metod Pengajian Akidah dalam Pendidikan Pondok di Kelantan Pada Zaman Keemasannya dari 1910M hingga 1957M" (Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). Lihat juga Abdul Razak bin Abdul Kadir (2001), "Metodologi Pendidikan Tamadun Islam Peringkat STPM : 1 Kajian di Sekolah-sekolah Menengah di Kuching, Sarawak" (Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

telah dilakukan iaitu “KUSZA: Satu Kajian Tentang Pendekatan di dalam Pengajian Syariah Dan Undang-Undang”. Tesis ini juga menghuraikan sejarah penubuhan KUSZA dan memberi tumpuan kepada pengajian Syariah dan Undang-undang di KUSZA, iaitu dari segi cara pembelajaran dan keberkesannya. Dua bidang pengajian yang menjadi fokus penyelidik, iaitu kursus Pengajian Syariah dan juga kursus Undang-undang.<sup>15</sup> Penyelidik berpendapat adalah penting untuk dilakukan sebuah kajian yang hanya memfokuskan kepada satu bidang tertentu, supaya kajian yang mendalam dan lengkap dapat dilakukan. Selain itu, usia kajian ini yang telah menjangkau tujuh tahun, sudah tentu memerlukan sebuah kajian yang baru.

Satu seminar berkaitan Pengajian Syariah dan Undang-undang telah diadakan di UKM pada tahun 1993. Seminar ini berjudul “Seminar Pengajian Syariah dan Undang-undang di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia”<sup>16</sup>. Di dalam seminar ini, aspek yang menjadi tumpuan utama para panel ialah sejarah dan pelaksanaan pengajian Syariah di beberapa institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya(UM), Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) dan KUSZA. Hasil seminar ini telah banyak membantu penyelidik mengetahui sejarah pengajian Syariah di KUSZA.

Pada tahun 1997, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya telah menerbitkan sebuah buku berjudul “Dinamisme Pengajian Syariah”. Buku ini

---

<sup>15</sup> Bashirah Binti Mat Kassim@Mohd. Kassim (1995), “Kolej Agama Sultan Zainal Abidin ( KUSZA) : 1 Kajian Tentang Pendekatan Pengajian Syariah dan Undang-undang”, (Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

<sup>16</sup>Seminar Pengajian Syariah dan Undang-undang di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia Peringkat Kebangsaan (Kertas Kerja Seminar, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM dan Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia UTM, 25-26 ogos 1993).

mengumpulkan beberapa kertas kerja berkaitan pengajian Syariah yang telah disediakan oleh beberapa orang sarjana tempatan. Penulisan-penulisan ini akan banyak membantu penulis memahami dengan lebih mendalam masalah yang berkaitan dengan pengajian Syariah<sup>17</sup>.

Selain itu, terdapat beberapa penulisan tentang KUSZA samada yang telah diterbitkan oleh pihak KUSZA sendiri atau berbentuk disertasi dan latihan ilmiah. Pada tahun 1987, Norma Abd. Wahab telah menulis sebuah latihan ilmiah bertajuk “Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)”. Penulisan ini menyentuh tentang sejarah penubuhan KUSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam<sup>18</sup>. Beliau tidak memfokuskan tentang mana-mana bidang pengajian yang khusus, tetapi ia menyentuh keseluruhan program pengajian dan lebih memfokuskan kepada sejarah penubuhan KUSZA, keistimewaannya dan masa depannya.

Selain itu, terdapat buku-buku mengenai KUSZA yang telah diterbitkan oleh pihak KUSZA sendiri. Di antaranya ialah Buku Panduan 1989-1991<sup>19</sup>. Buku ini menghuraikan tentang kursus-kursus yang ditawarkan di KUSZA dan juga sistem pembelajarannya.

Penulisan-penulisan lepas telah banyak membantu penulis mendapat gambaran sejauh manakah kajian telah dibuat terhadap pengajian Syariah di KUSZA.

---

<sup>17</sup> Mahmood Zuhi Hj. Ab. Majid (2001), *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>18</sup> Norma Abd. Wahab (1987), “Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)” ( Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

<sup>19</sup> *Buku Panduan 1989-1991*. Kuala Terengganu:KUSZA.

Hasil daripada kajian terhadap penulisan-penulisan tersebut, penulis mendapati perlu dibuat kajian khusus tentang metodologi pengajian Syariah di KUSZA.

## **1.8) METODOLOGI KAJIAN**

Bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dikemukakan di atas, kajian ini dirangka khusus dengan menggunakan dua bentuk kaedah utama; kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

### **Kaedah pengumpulan data**

Dalam kaedah pengumpulan data, penulis telah menggunakan kaedah perpustakaan (library research) yang kebanyakannya bergantung kepada bahan primari dan sekunder. Pemilihan bahan-bahan yang digunakan samada bahan primari atau sekunder bergantung sepenuhnya kepada autoriti yang dimiliki oleh kedua-dua jenis bahan ini. Antara bahan-bahan primari yang digunakan :-

- (1)Al-Quran al-Karim
- (2)Kitab Hadith
- (3)Tesis
- (4)Hasil wawancara
- (5)Hasil soal selidik
- (6)Hasil pemerhatian

Manakala untuk bahan sekondari pula, penulis telah menggunakan beberapa bentuk bahan yang boleh dibahagikan kepada beberapa jenis yang utama, seperti:-

- (1) Kertas-kertas kerja seminar berkaitan pengajian Syariah di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia.
- (2) Buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan sejarah pengajian Islam di Malaysia.
- (3) Buku-buku ilmiah berkaitan dengan perkembangan pengajian Syariah di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia.
- (4) Jurnal-jurnal yang dihasilkan oleh fuqaha' moden berkaitan dengan pengajian Syariah di Malaysia.
- (5) Keratan-keratan akhbar yang menyentuh tentang isu-isu pengajian Syariah di Malaysia.
- (6) Laman-laman web internet yang berkaitan dengan penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus pengajian Syariah.

Sesebuah kajian masih dianggap tidak lengkap sekiranya ia tidak seimbang dan tidak bersesuaian dengan konteks kajian di Malaysia.<sup>20</sup> Oleh itu, penulis berpendapat amatlah penting untuk menggunakan kaedah kajian kes yang menggunakan tiga kaedah yang khusus; kaedah soalselidik, kaedah temuduga dan juga kaedah pemerhatian. Pada dasarnya, kaedah temuduga dan pemerhatian telah digunakan secara seiringan dan tidak terpisah. Hal ini “*memandangkan melalui temuduga, data yang diperolehi melalui pemerhatian dapat diperkukuhkan dan*

---

<sup>20</sup> Lihat Marohaini Yusoff, “*Pertimbangan Kritikal Dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif*”, dalam Marohaini Yusoff (ed.) (2001), *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 35-36.

diperlengkapkan lagi.<sup>21</sup> Ketiga-tiga kaedah di atas telah dijalankan di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu dan mengambil masa selama enam puluh hari.

#### **a)Kaedah Soalselidik**

Soalselidik adalah satu cara yang amat berkesan untuk mendapatkan maklumat penting berkaitan sesuatu kajian, khususnya kajian berbentuk lapangan. Soalselidik memerlukan pendahuluan yang tersendiri yang menjelaskan tujuan kajian secara umum dan juga jaminan kerahsiaan jika difikirkan perlu<sup>22</sup>. Soalselidik ini telah melibatkan 65 orang para pelajar tahun akhir DPI (Syariah) dan kesemua pensyarah DPI (Syariah), iaitu seramai 16 orang.

#### Soalselidik Pelajar.

Penulis telah memilih seramai 65 orang pelajar tahun akhir (tahun tiga) DPI Syariah KUSZA. Jumlah ini melibatkan hampir keseluruhan para pelajar tahun akhir DPI Syariah. Dalam melakukan soalselidik ini, beberapa perkara penting telah dititikberatkan oleh penulis:

1) Para pelajar yang terlibat hanyalah pelajar tahun akhir kerana mereka merupakan golongan yang lebih berpengalaman dan matang berbanding pelajar-pelajar tahun

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, hlm 108-109.

<sup>22</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Overview*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.43.



satu dan dua. Keadaan ini membolehkan mereka menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan lengkap, mudah dan boleh dipercayai.

- 2)Penulis terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Dekan Sekolah Pengajian Islam KUSZA, Y. Bhg. Dr. Salleh Bin Ismail.<sup>23</sup>
- 3)Penulis memberikan masa selama seminggu untuk para pelajar ini mengisi borang soalselidik yang diedarkan. Dengan cara ini, para pelajar dapat memberikan jawapan dengan lebih tenang, berhati-hati dan tidak berasa terbeban dengan soalan-soalan yang dikemukakan.
- 4)Penulis juga meminta kebenaran dan kerjasama pensyarah untuk meluangkan sedikit waktu kuliah mereka bagi penulis mengedarkan borang soalselidik kepada para pelajar ketika di dalam bilik kuliah. Sedikit masa juga diambil oleh penulis untuk memberi keterangan ringkas berhubung soalan-soalan yang terdapat di dalam borang soalselidik.
- 5)Penulis mengadakan perbincangan dengan salah seorang pensyarah DPI Syariah bagi mendapatkan kerjasama beliau untuk mendapatkan semula borang-borang yang telah siap diisi oleh pelajar. Para pelajar diminta menghantar borang yang siap diisi kepada beliau selewat-lewatnya seminggu selepas tarikh ia diedarkan. Langkah ini diambil bagi memudahkan penulis mendapatkan semula borang soalselidik tersebut. Borang soalselidik pelajar telah dibahagikan kepada empat bahagian.<sup>24</sup>

---

<sup>23</sup> Rujuk Lampiran Surat Kebenaran Soalselidik.

<sup>24</sup> Rujuk Lampiran Borang Soalselidik Pelajar.

### 1) Bahagian A (Peribadi)

Penyelidik mengemukakan 10 soalan berkaitan peribadi responden bagi mengetahui serba sedikit latarbelakang responden. Soalan-soalan ini hanya memerlukan jawapan yang ringkas atau lebih berbentuk fakta. Nama responden tidak ditulis kerana soalselidik ini bersifat rahsia dan bertujuan untuk penyelidikan. Antara butir-butir yang disoal dalam bahagian ini ialah bangsa, agama, jantina, umur, tarikh dan tempat lahir, pendidikan dan juga dana pendidikan.<sup>25</sup>

### 2) Bahagian B (Keadaan Persekitaran)

Bahagian ini mengandungi sebuah jadual tentang kemudahan-kemudahan yang terdapat di KUSZA. Ia dibentuk oleh penyelidik untuk mengetahui samada para pelajar DPI (Syariah) mendapat kemudahan-kemudahan berkaitan pembelajaran mereka. Mereka dikehendaki menandakan samada berpuas hati atau sebaliknya dengan 10 kemudahan yang disenaraikan.

### 3) Bahagian C (Pembelajaran)

Bahagian ini merupakan bahagian terpenting yang perlu diberi perhatian oleh penyelidik. Sebanyak lima soalan dikemukakan mengenai cara pembelajaran bagi kursus ini. Soalan-soalan merangkumi aspek kursus-kursus yang ditawarkan, kesesuaian kursus-kursus tersebut dengan suasana di Malaysia, kesesuaiannya dengan para pelajar peringkat Diploma, tahap keupayaan metodologi yang digunakan sekarang dalam melahirkan graduan berkualiti dan juga kesesuaian

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

kursus-kursus elektif. Responden dikehendaki menjawab secara agak terperinci berserta dengan komen mereka.

#### 4) Bahagian D (Kaedah Pengajaran Para Pensyarah)

Seperti juga bahagian C, bahagian D merupakan bahagian yang penting dan banyak memberi kesan kepada hasil kajian. Dalam bahagian ini, sebanyak empat soalan dikemukakan berkaitan dengan kaedah yang digunakan oleh para pensyarah Diploma Pengajian Islam (Syariah). Para responden diminta mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh para pensyarah, memberikan pandangan mereka tentang keberkesanan teknik pengajaran para pensyarah, penguasaan Bahasa Arab para pensyarah dan juga teknik pengajaran terbaik yang patut diaplikasikan oleh pensyarah.

#### Soalselidik Pensyarah.

Bagi pensyarah pula, sebanyak 16 keping borang soalselidik diedarkan. Bilangan ini merupakan jumlah keseluruhan para pensyarah Pengajian Islam (Syariah) KUSZA. Dalam soalselidik ini, sebanyak 17 soalan dikemukakan oleh penulis. Soalan-soalan ini berkaitan dengan peribadi seperti jantina, umur dan kewarganegaraan. Selain itu, beberapa maklumat penting turut dikaji seperti status pekerjaan, pengalaman mengajar, kelulusan akademik, kajian-kajian yang telah dijalankan, matapelajaran yang diajar, kitab rujukan yang digunakan, kaedah pengajaran, penguasaan bahasa Arab serta beberapa pandangan mereka tentang metodologi Pengajian Syariah di KUSZA.

## b) Kaedah Wawancara

Demi untuk menjadikan kaedah temuduga ini bersifat objektif dan boleh dipertanggungjawabkan, beberapa kaedah yang lebih bersifat mikro akan dijalankan oleh penulis:-

- (1) Penulis terlebih dahulu mengadakan temujanji dengan Ustaz Kamarudin Bin Awang Mat (Penyelaras Program Syariah KUSZA). Ini bagi memastikan beliau dapat meluangkan masa yang terbaik untuk proses temuduga di samping memudahkan lagi urusan untuk mewawancara beliau. Sebagai penyelaras Program Syariah KUSZA, pastinya beliau mempunyai banyak maklumat dan pengetahuan tentang program DPI (Syariah) KUSZA.
- (2) Penulis telah membahagikan proses temubual ini kepada dua sesi yang utama, dimulakan dengan (i) sesi pengenalan yang menjelaskan maksud dan tujuan kajian secara tidak langsung yang bakal merapatkan hubungan antara penulis dengan orang yang bakal ditemubual, (ii) sesi temuduga sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada isi kandungan sebenar kajian ini dibuat.<sup>26</sup>
- (3) Untuk memastikan kebolehpercayaan maklumat dan kedudukan orang ditemuduga tidak terjejas, penulis terlebih dahulu memaklumkan kepada mereka objektif kajian dan menyediakan borang persetujuan yang mengambilkira etika persetujuan berpengetahuan (informed consent) seperti

---

<sup>26</sup> Lihat sebagai contohnya kajian yang menggunakan kaedah ini di dalam Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif : Satu Imbasan", dalam Marohaini Yusoff (ed.) *Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 123-125.

mana ditegaskan di dalam code of ethical conduct for research involving humans.<sup>27</sup>

- (4) Soalan yang agak rapi dan terancang telah disediakan terlebih dahulu. Di samping itu juga, terdapat beberapa soalan spontan yang digunakan akibat daripada beberapa isu dan jawapan yang diberikan oleh orang yang ditemuduga.
- (5) Selain menemuramah Penyelaras Program Syariah KUSZA, penulis turut menemuramah dua orang pensyarah DPI Syariah. Temujanji juga diadakan terlebih dahulu dengan kedua-dua pensyarah ini bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa yang sesuai untuk ditemuramah.
- (6) Isi kandungan temuduga ini telah dipastikan agar ianya lebih bersifat menjurus kepada skop dan tumpuan kajian.

### **Kaedah penganalisan data yang terkumpul**

Setiap data yang diperolehi melalui kaedah pengumpulan data akan diteliti secara terperinci menggunakan beberapa kaedah penganalisan, merangkumi :-

- (1) Kaedah pensejarahan<sup>28</sup> yang akan menggunakan dua perspektif utama, (i) sosio-historis (menggunakan kronologi dan latarbelakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan) dan (ii) critical metode ( usaha memetik dan mengkritik sebarang pendapat dan nilai yang terhasil daripada peristiwa sejarah

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 4-7

<sup>28</sup> Maklumat lanjut tentang pendekatan ini boleh didapati dalam Muhammad Yusoff Hashim, (1992) *Pensejarahan Melayu : Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur, h. 1-3 dan Muhammad Natsir Mahmud(1997), *Orientalisme : Al-Quran di Mata Barat*. Semarang, (t.pt.), h. 68-69

yang dipilih).<sup>29</sup> Dalam kajian ini, penulis akan menganalisa perkembangan pengajian Syariah di Malaysia bermula daripada Zaman Melayu Klasik sehingga Zaman Post Kebangkitan Semula Islam. Penulis juga menggunakan kaedah persejarahan bagi menganalisa data berkaitan dengan penubuhan KUSZA.

(2) Kaedah analisis biografi yang bakal meneliti secara terperinci latar belakang pendidikan seseorang tokoh terpenting demi untuk mengetahui asas utama sesuatu aliran pemikiran yang dipegangnya,<sup>30</sup> dan dalam konteks kajian ini penumpuan khusus akan diberikan kepada analisis biografi sejarah pendidikan para pensyarah DPI (Syariah) KUSZA dan juga latarbelakang pendidikan awal para pelajar.

(3) Kaedah induktif dan deduktif terhadap sesuatu data yang diperolehi. Kaedah deduktif (*istinbāt*) adalah merupakan kaedah yang memetik kesimpulan khusus (mikro) dari dalil-dalil umum yang terkandung di dalam fakta yang diperolehi. Manakala kaedah induktif (*istiqrā'i*) pula merujuk kepada proses memetik kesimpulan hukum umum yang dihasilkan dari fakta-fakta khusus, terutamanya terhadap sesuatu masalah yang tiada ketentuan nasnya daripada Quran dan sunnah.

---

<sup>29</sup> Ghufroon A. Mas'adi (1997), *Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Metodologi Pembaharuan Hukum Islam* Jakarta, (1 pt.), 1997, h. 62-68.

<sup>30</sup> Maklumat lanjut boleh didapati dalam Kim Keum Hyun (1995), "Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Kes di Negeri Terengganu" (Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Malaya) h. 4-5.

(4) Kaedah penganalisan biasa menggunakan carta pai. Sebahagian besar data-data yang diperolehi melalui soalselidik dianalisa melalui pengiraan peratus yang digambarkan dengan carta pai. Format pengiraannya ialah:

$$\frac{\text{Jumlah responden terlibat}}{\text{Jumlah keseluruhan responden}} \times 100\%$$

Terdapat juga data yang dianalisa secara menggunakan jadual. Jadual ini menjelaskan peratusan pensyarah berdasarkan penggunaan kaedah-kaedah pengajaran yang mereka gunakan ketika menyampaikan kuliah. Format pengiraannya ialah:

$$\frac{\text{Jumlah responden terlibat}}{\text{Jumlah keseluruhan responden}} \times 100\%$$

Disertasi ini akan dijalankan berdasarkan dua bentuk penyelidikan; penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif. Bagi penyelidikan kuantitatif, data adalah dalam bentuk angka atau bilangan, dan ia diperolehi hasil daripada kaedah soalselidik yang dilakukan ke atas sampel yang dibentuk<sup>31</sup>. Data kuantitatif yang diperolehi dalam kajian ini akan dipersembahkan dalam bentuk carta pai dan jadual. Penulis akan menggunakan carta pai dengan pelbagai warna bagi membezakan kategori sampel berdasarkan perkara yang dikaji. Setiap carta pai dan jadual yang dikemukakan akan disertakan keterangan yang lengkap.

---

<sup>31</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Overview*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h 5

Bagi penyelidikan kualitatif pula, data dikemukakan dalam bentuk fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, maksud, persepsi dan seumpamanya<sup>32</sup>. Dengan penyelidikan bentuk ini, penulis akan memfokuskan kepada pemahaman konsep pengajian Syariah, sejarah penubuhan KUSZA, huraian lengkap tentang Program DPI (Syariah) KUSZA serta kesimpulan dan cadangan bagi kajian ini.

## 1.9) PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini disusun khusus mengandungi beberapa bab yang tertentu, yang saling berkait di antara satu bab dengan bab yang lain. Kajian ini dimulakan dengan bab yang pertama, mengandungi pendahuluan tentang proposal utama kajian merangkumi latar belakang masalah, kenyataan tentang masalah kajian, objektif kajian, hipotesis, kepentingan kajian, skop kajian, analisa terhadap kajian lepas dan metodologi kajian.

Dalam bab kedua, perbincangan khusus akan diberikan tentang landasan teori utama yang bakal mencorakkan keseluruhan kajian ini. Ianya telah dibahagikan kepada dua bahagian yang utama, dimulakan dengan (i) perbincangan tentang definisi pengajian Syariah. Antara perkara yang difokuskan dalam bahagian ini ialah; takrif Syariah, takrif pengajian Syariah, metodologi pengajian Syariah, objektif pengajian Syariah, ruang lingkup pengajian Syariah dan juga kaedah-kaedah pengajian yang sesuai digunakan bagi pengajian Syariah.

---

<sup>32</sup> *Ibid*



Dalam bahagian ke (ii) perbincangan lebih menjurus kepada perkembangan pengajian Syariah di Malaysia. Bahagian ini menyentuh tentang pendekatan pengajian Syariah di Malaysia dan juga perkembangan pengajian Syariah di IPT Malaysia.

Dalam bab ketiga, penulis membincangkan tentang pengajian Syariah di KUSZA. Terdapat lima bahagian penting di dalam bab ini. Bahagian (i) menyentuh berkaitan penubuhan KUSZA. Antara kupasan yang diberikan dalam bahagian ini ialah; sejarah penubuhan KUSZA, falsafah dan objektif KUSZA, lambang kolej serta kemudahan dan kebajikan pelajar. Bahagian ke (ii) pula memfokuskan kepada struktur pentadbiran KUSZA yang terbahagi kepada empat peringkat; Majlis KUSZA, Jawatankuasa Akademik, Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan dan juga Jawatankuasa Pelaksanaan Pentadbiran.

Dalam bahagian ke (iii), penulis membincangkan program-program pengajian yang ditawarkan di KUSZA berserta dengan dekan-dekan bagi setiap sekolah pengajian. Seterusnya, bahagian ke (iv) mengupas tentang program Diploma Pengajian Islam (Syariah) KUSZA. Antara perkara-perkara yang disentuh ialah; sejarah pengajian Syariah di KUSZA, objektif kursus, syarat-syarat kemasukan ke program ini, tempoh pengajian, struktur pengajian, peperiksaan dan sistem penilaian, pensyarah dan juga pengiktirafan terhadap kursus ini. Bahagian terakhir iaitu bahagian ke-(v) membincangkan tentang penerbitan dan penyelidikan ilmiah sekolah Pengajian Islam (Syariah) KUSZA.

Dalam bab keempat, penulis akan melakukan analisis data dan juga laporan penyelidikan. Dalam bab ini, sebanyak lima aspek akan diberi penilaian. Aspek (i) ialah penilaian terhadap pelajar. Penulis akan menilai beberapa perkara penting berkaitan pelajar. Antaranya ialah ; latarbelakang pelajar, pencapaian akademik pelajar, kemampuan pelajar menguasai bahasa Arab dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Aspek ke-(ii) pula ialah penilaian terhadap pensyarah. Penilaian dibuat dari dua sudut; kelulusan akademik pensyarah dan juga penggunaan bahasa Arab oleh pensyarah ketika menyampaikan kuliah.

Bahagian ke-(iii) ialah penilaian terhadap metodologi pengajian. Ia turut dinilai dari dua sudut; kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan dan kesesuaian metodologi yang sedang diaplikasikan. Seterusnya, dalam bahagian ke-(iv), penilaian dibuat terhadap sukatan pelajaran yang telah diperkenalkan di bawah program DPI (Syariah) KUSZA. Penulis akan melakukan penilaian mengikut jenis-jenis kursus yang ditawarkan; kursus kolej, kursus sekolah dan kursus program.

Akhir sekali ialah bab kelima. Ia merupakan bab kesimpulan yang akan merumuskan semua penganalisan rapi yang dibuat sepanjang kajian ini, dan disusuli juga dengan beberapa cadangan khusus bagi meningkatkan lagi mutu pengajian Syariah, khasnya di KUSZA. Selain itu, penulis akan turut mengemukakan beberapa saranan tajuk kajian lanjutan yang sesuai dijalankan dalam bidang ini.